

04/11/2002

Jangan adakan tazkirah tarawih sempena Ramadan: Tengku Adnan

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua masjid di Lembah Klang dinasihatkan supaya tidak mengadakan tazkirah pada bulan Ramadan ini kerana amalan itu tidak dituntut dalam Islam, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata, dalam ajaran Islam sebenar, tidak ada tuntutan supaya sembahyang sunat tarawih dihentikan selepas empat rakaat atau 10 rakaat bagi memberi laluan kepada tazkirah.

"Ini (tazkirah) tidak dituntut dalam Islam. Sehubungan itu saya menasihatkan semua masjid di Wilayah Persekutuan tidak mengadakan tazkirah.

"Imam boleh mengadakan sembahyang tarawih tanpa berhenti untuk tazkirah. Selepas sembahyang, saya bersetuju kalau imam mahu mengulas ayat al-Quran yang dibaca ketika sembahyang," katanya selepas menyerahkan sumbangan untuk masjid, surau dan madrasah peringkat Parlimen Batu di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu, Ng Lip Yong. Sumbangan itu kali kedua yang diberikan beliau dengan peruntukkan kira-kira RM25,000.

Baru-baru, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan tazkirah ketika solat sunat tarawih sepanjang Ramadan ini.

Perdana Menteri, berkata, perbuatan itu bukan saja mengganggu jemaah, malah mencemari solat tarawih yang sepatutnya bertujuan mendekatkan diri dengan Allah bagi memperoleh keberkatan pahala.

Dr Mahathir berkata, pegawai Jabatan Agama Islam negeri akan memantau perjalanan solat tarawih bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menganjurkan tazkirah yang tiada kaitan dengan agama.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian, beliau meminta imam menyedarkan masyarakat sekeliling kepentingan menjaga hubungan baik dengan semua kaum dan bukan Islam kerana negara ini memerlukan kerjasama semua pihak untuk terus maju.

Beliau berkata, ketika ini ada kecenderungan di kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India untuk hidup tanpa mengenali kaum lain walaupun tinggal di kawasan sama.

Katanya, jika keadaan itu berterusan, keharmonian yang dikecapi negara selama ini mungkin tidak akan kekal dan pembangunan ekonomi tidak dapat dijalankan.

"Sehubungan itu, imam memainkan fungsi penting untuk menyedarkan umat Islam supaya merapatkan hubungan dengan kaum lain," katanya.